

UNDANG-UNDANG KECIL

CETAKAN SEMULA

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
Undang
Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula kuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

BAHASA IKLAN

3. Bahasa iklan
4. Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul
5. Iklan minuman keras
6. Penggunaan tanda halal

BAHAGIAN III

PELESENAN

7. Larangan mempamerkan iklan tanpa lesen
8. Permohonan lesen
9. Lesen tidak boleh dipindah milik
10. Fi tidak boleh dibayar balik
11. Deposit
12. Penggantungan atau pembatalan lesen
13. Lesen hendaklah dipamerkan atau dikemukakan
14. Kawasan pengiklanan
15. Pengecualian

BAHAGIAN IV

PENYELENGGARAAN IKLAN

16. Iklan hendaklah berada dalam keadaan baik
17. Iklan yang dilarang
18. Unjuran
19. Keselamatan
20. Penyelenggaraan
21. Penurunan iklan

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

22. Kuasa memasuki dan memeriksa premis
23. Kuasa untuk menyiasat
24. Pengegedahan dengan waran
25. Pengegedahan tanpa waran
26. Pemeriksaan ke atas orang perempuan
27. Kuasa untuk meminta nama, dsb., diberikan
28. Pemeriksaan orang yang ada pengetahuan tentang kes
29. Kuasa menangkap
30. Senarai barang yang disita
31. Barang yang mengikut tabiinya lekas rosak
32. Majlis tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan
33. Halangan, dsb.,

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

34. Anggapan
35. Pendakwaan
36. Pengkompaunan kesalahan
37. Penalti
38. Penyampaian dokumen
39. Kuasa untuk meminda atau memansuh jadual
40. Pemansuhan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri meluluskan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan mula kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2007**.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai kepada kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya sahaja.

(3) Undang-undang kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007

Tafsiran

2. (1) Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“arkitek berdaftar” ertinya seorang yang berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*];

“fi” ertinya fi yang ditetapkan dalam Jadual;

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, kekotak elektronik, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, tempat tumpuan awam, di atas mana-mana tanah, termasuklah tanda langit, belon, banting, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihan raya;

“iklan bercahaya” ertinya mana-mana iklan yang disinari daripada dalam struktur atau rangka iklan itu sendiri dengan lampu elektrik seperti lampu bebola, lampu kalimantang, lampu neon, lampu limpah atau apa-apa alat yang berada di luar struktur atau rangka iklan itu yang mengeluarkan cahaya pancaran ke arah iklan itu yang akan menyebabkan iklan itu dilihat dengan jelas pada waktu malam;

“iklan tidak bercahaya” ertinya apa-apa iklan selain iklan bercahaya;

“iklan pilihan raya” hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan raya (Majlis Daerah Petaling) 1990 [Sel. P.U. 51/90];

“jurutera awam berdaftar” atau “jurutera struktur berdaftar” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138];

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini;

“papan tanda” ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan, pertubuhan, jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, pertubuhan atau perbadanan itu ;

“pihak berkuasa melesen ” ertinya Datuk Bandar, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang memiliki lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini;

“poster” ertinya iklan yang berukuran tidak lebih daripada enam puluh sentimeter kali sembilan puluh sentimeter dan bukan daripada jenis kekal;

“tanda arahan” ertinya mempamerkan dengan apa-apa cara cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papan tanda itu tidak dapat dilihat dari jalan;

“tiang poster” ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis untuk mempamerkan apa-apa poster; dan

“tanda langit” ertinya apa-apa binaan yang terdiri daripada suatu bingkai, papan dendeng, papan, bar, pilar, tiang, dawai atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu atau apa-apa binaan yang serupa itu, apa-apa benda yang boleh dilihat terapung atau ditetapkan kedudukannya dengan ikatan dawai atau dengan alat lain yang boleh dilentur, yang ditunjukkan bagi maksud iklan perdagangan atau profesion dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit dari mana-mana lebu atau tempat awam.

(2) Dalam undang-undang kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang dengan sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau mengarahkan supaya dipamerkan iklan dan hendaklah disifatkan termasuk –

(a) tuan punya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipamerkan; atau

(b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenainya barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau urusan lainnya, publisiti diberikan melalui iklan itu.

BAHAGIAN II

BAHASA IKLAN

Bahasa iklan

3. (1) Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain.

(2) Jika bahasa kebangsaan digunakan bersama dengan bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah –

- (a) berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain;
- (b) diutamakan dari segi kedudukan; dan
- (c) digunakan dengan nahu yang betul.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Walau apa pun perenggan (3), jika nama sesebuah firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 179*], Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] atau Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] tidak terdiri daripada atau termasuk perkataan dalam bahasa kebangsaan, perkataan itu tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan.

Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul

4. (1) Jika pihak berkuasa melesen berpendapat bahawa bahasa kebangsaan tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, pihak berkuasa melesen boleh, melalui notis bertulis, mengarahkan orang yang mempamerkan, mendirikan, menyebabkan, membenarkan iklan itu dipamer atau didirikan, supaya meminda iklan itu untuk memperbetulkan kesilapan itu mengikut apa-apa cara dan dalam mana-mana tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Iklan minuman keras

5. Mana-mana premis yang menjual makanan atau minuman yang mempamerkan iklan minuman keras atau arak hendaklah –

- (a) mempamerkan iklan minuman keras di dalam premis sahaja; dan
- (b) iklan itu tidak boleh lebih besar daripada iklan utama.

Penggunaan tanda halal

6. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa perkataan, logo atau tanda “Halal” atau “Ditanggung Halal” tanpa mendapat sijil pengesahan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Selangor atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Pihak berkuasa melesen boleh memeriksa kesahihan dan kesahan sijil yang tersebut dan mana-mana orang yang gagal mengemukakan sijil itu apabila diminta, melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Larangan mempamerkan iklan tanpa lesen

7. Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen di bawah undang-undang kecil ini.

Permohonan lesen

8. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh pihak berkuasa melesen dan disertakan dengan –

(a) dua salinan lakaran yang menunjukkan butir lengkap iklan yang dicadangkan;

(b) pelan tapak atau pelan tempat mengikut skala 1:750 yang menunjukkan kedudukan iklan yang dicadangkan itu;

(c) suatu pelan bagi struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu bersama dengan perakuan seorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar yang memperakukan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dipamerkan; dan

(d) suatu taksiran bertulis oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur bangunan itu atau bahagian bangunan di mana iklan itu hendak dilekatkan.

(2) Pihak berkuasa melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa pengeluaran atau pembaharuan lesen.

(3) Apabila permohonan itu diluluskan, pihak berkuasa melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada –

- (a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual; dan
- (c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(4) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk yang boleh ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.

(5) Pihak berkuasa melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada pihak berkuasa melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

Lesen tidak boleh dipindah milik

9. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dipindah milik.

Fi tidak boleh dibayar balik

10. Fi lesen yang telah dibayar di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

11. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 8(3)(a) tidak boleh melebihi sepuluh ribu ringgit.

(2) Deposit hendaklah menjadi suatu jaminan dan boleh dilucut hak keseluruhannya atau sebahagiannya oleh pihak berkuasa melesen disebabkan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen apabila lesen dibatalkan.

(3) Apabila deposit itu dilucuthak, lesen itu hendaklah disifatkan telah terbatal, melainkan jika pihak berkuasa melesen, atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucuthak itu.

Penggantungan atau pembatalan lesen

12. (1) Pihak berkuasa melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah menurunkan iklan itu dalam masa tiga puluh hari selepas penerimaan notis, kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan dan

apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Tanpa menjejaskan perenggan (2), pemegang lesen boleh merayu terhadap keputusan pihak berkuasa melesen dalam masa empat belas hari daripada tarikh penerimaan notis itu dan pihak berkuasa melesen boleh menangguhkan keputusannya di bawah perenggan (1) sementara rayuan itu diputuskan.

(4) Keputusan pihak berkuasa melesen adalah muktamad.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

13. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang boleh dilihat dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada “lesen” hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh pihak berkuasa melesen sebagai suatu salinan benar lesen.

Kawasan pengiklanan

14. (1) Suatu iklan yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini hanya boleh dipamerkan di tempat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian

15. (1) Tiada lesen diperlukan bagi –

(a) nombor jalan;

(b) plat nama pada rumah yang menunjukkan nama dan alamat penghuni;

(c) iklan yang menunjukkan bahan yang berbahaya, sama ada mengandungi maklumat berkenaan bahan sedemikian atau tidak;

(d) iklan yang memberikan arahan bagaimana untuk masuk atau keluar daripada sesuatu harta, jualan, pajakan atau sewaan suatu harta, atau penggunaan peralatan atau maklumat berhubung keselamatan yang dipamerkan pada harta atau premis berkenaan sahaja dan saiznya tidak

melebihi satu meter persegi untuk menyampaikan maklumat yang mencukupi kepada penerima yang dimaksudkan;

- (e) apa-apa papan tanda kontraktor kejuruteraan awam atau bangunan yang tidak melebihi tiga meter persegi berkenaan dengan projek yang dijalankan di atas suatu harta dan dipamerkan pada harta itu sahaja;
- (f) apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen, mahkamah, badan awam atau pekhidmat awam dalam menjalankan tugas rasminya;
- (g) bendera rasmi bagi Malaysia, mana-mana negeri dalam Malaysia, pihak berkuasa melesen dan negara asing;
- (h) bendera rasmi mana-mana firma, perbadanan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 yang dikibarkan pada tiang yang dibenarkan dalam lingkungan hartanya;
- (i) iklan masyarakat sosial; dan
- (j) apa-apa iklan lain yang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen dari semasa ke semasa.

(2) Hanya satu iklan boleh dipamerkan berkenaan dengan iklan yang diberikan pengecualian di bawah perenggan (1) pada suatu masa dan hendaklah tertakluk kepada undang-undang kecil 3, 18 dan 19.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan (1) boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa melesen pada bila-bila masa.

BAHAGIAN IV

PENYELENGGARAAN IKLAN

Iklan hendaklah berada dalam keadaan baik

16. Semua iklan hendaklah berada dalam keadaan baik, bersih dan keadaan yang memuaskan pada setiap masa.

Iklan yang dilarang

17. Iklan yang berikut dilarang daripada didirikan melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa melesen:

- (a) iklan yang menyebabkan bahaya kepada lalu lintas seperti iklan yang menggunakan lampu yang memancar atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau berubah-ubah;

- (b) iklan yang menyerupai iklan atau isyarat jalan raya atau lalu lintas;
- (c) iklan yang menggunakan bahan yang memantulkan cahaya yang boleh menyebabkan gangguan penglihatan, iklan yang menyebabkan lebih paras silau atau cahaya sehingga suatu darjah yang berbahaya;
- (d) iklan yang menghalang garis nampak apa-apa lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan atau lintasan kenderaan;
- (e) iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam yang dipasang pada mana-mana harta awam;
- (f) iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, memancar, berkelip, bersinar, berubah-ubah atau mengandungi imej yang berubah-ubah dan termasuklah lampu limpah, cahaya lampu berpendarflour atau laser kecuali jika yang sedemikian itu terletak di kawasan yang dikhaskan oleh pihak berkuasa melesen;
- (g) iklan yang tidak berkaitan dengan premis yang padanya iklan itu dipasang;
- (h) iklan yang mempunyai lapang mendatar atau menegak yang kurang daripada pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan atau kaedah agensi yang berkenaan;
- (i) iklan yang ditempatkan atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melainkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap;
- (j) iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
- (k) iklan politik; dan
- (l) apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh pihak berkuasa melesen daripada didirikan atau dipamerkan dari semasa ke semasa.

Unjuran

18. Unjuran iklan yang dipamerkan di atas bangunan hendaklah diukur daripada garis jalan yang tetap.

Keselamatan

19. Apa-apa struktur atau lekapan yang didirikan bagi tujuan mempamerkan apa-apa iklan hendaklah diperaku oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur yang berdaftar dan perakuan sedemikian hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau bahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

Penyelenggaraan

20. (1) Pihak berkuasa melesen boleh, melalui suatu notis yang bertulis, mengarahkan mana-mana orang yang mendirikan atau mempamerkan apa-apa iklan untuk mengecat

semula, menggantikan atau membersihkan iklan itu dalam apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika iklan itu berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau gangguan kepada orang awam, pihak berkuasa melesen boleh secara bertulis, mengarahkan orang yang mempamerkan iklan itu untuk mengubah suai iklan tersebut dengan apa-apa cara dan dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Penurunan iklan

21. (1) Pihak berkuasa melesen boleh mengarahkan penurunan secara terus atau penghapusan mana-mana iklan, termasuklah mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) iklan itu dan strukturnya berada dalam keadaan yang buruk;
- (b) iklan itu berlainan daripada yang diluluskan oleh pihak berkuasa melesen; atau
- (c) iklan itu melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(2) Pihak berkuasa melesen atau pegawainya yang diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah dan melaksanakan penurunan atau penghapusan mana-mana iklan jika arahan penurunan atau penghapusan secara terus iklan itu di bawah perenggan (1) tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang dikenakan bagi penurunan atau penghapusan iklan di bawah perenggan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu, tuan punya atau penghuni premis yang di atasnya iklan itu didirikan atau dipamerkan.

(4) Pihak berkuasa melesen boleh, bagi maksud memperbaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, menurunkan mana-mana iklan walaupun lesen bagi iklan itu masih sah dan tiada pembayaran balik wang akan dibuat kepada pemegang lesen iklan berkenaan dengan lesen itu.

(5) Pihak berkuasa melesen tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan peruntukan di bawah undang-undang kecil ini.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa memasuki dan memeriksa premis

22. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa –

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana premis untuk membuat apa-apa pertanyaan atau penyiasatan berkenaan apa-apa kesalahan yang dilakukan atau disyaki telah dilakukan;

- (b) mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menurunkan mana-mana iklan yang menyalahi undang-undang atau yang bercanggah dengan undang-undang kecil ini; atau
- (c) membuat apa-apa perbuatan lain yang perlu untuk memberi kuat kuasa kepada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

Kuasa untuk menyiasat

23. Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa olehnya boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Pengeledahan dengan waran

24. (1) Jika pada hemat seorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini telah dilakukan di mana-mana premis atau berkenaan dengan mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang dinamakan dalamnya untuk masuk ke dalam premis itu dengan apa-apa bantuan yang mungkin diperlukan, dan jika perlu, dengan kekerasan.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh, di dalam premis yang dimasuki di bawah perenggan (1), memeriksa –

- (a) apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, dokumen, butiran, benda atau barang yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu,

dan boleh menyita mana-mana buku, akaun, dokumen atau data itu atau apa-apa salinan buku, akaun, dokumen atau data sedemikian atau mana-mana tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda atau barang sedemikian.

(3) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah perenggan (1) boleh, jika pada pendapatnya semunasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (3) boleh menyita atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(5) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau jumlahnya, tidak praktikal untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara,

menyelak buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dalam premis atau bekas di mana barang itu dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian, melakukan suatu kesalahan.

Pengeledahan tanpa waran

25. Jika Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam undang-undang kecil 24 mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah undang-undang kecil ini tujuan pengeledahan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan akan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan semua kuasa yang disebut dalam undang-undang kecil 24 dengan sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil itu.

Pemeriksaan orang perempuan

26. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 24 atau 25 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Kuasa untuk menghendaki nama, dsb., diberikan

27. Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang dengan semunasabahnya dipercayai telah melakukan atau mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini supaya memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan butiran lengkap sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Datuk Bandar atau pegawai diberi kuasa itu.

Pemeriksaan orang yang ada pengetahuan tentang kes

28. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh, dalam menjalankan kuasa menyiasat di bawah undang-undang kecil ini, memeriksa mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes.

(2) Orang yang diperiksa oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa itu terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya cenderung untuk mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah, penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah undang-undang kecil ini terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Datuk Bandar atau pegawai yang diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah undang-undang kecil ini hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan perenggan (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah undang-undang kecil ini hendaklah, bilamana boleh, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang di mahu.

Kuasa menangkap

29. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang –

(a) yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan alamatnya yang sebenar telah dapat ditentukan dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Senarai benda yang disita

30. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (2), jika apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang disita di bawah undang-undang kecil ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita itu dan dengan serta-merta menyerahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen atau penghuni yang premisnya telah digeledah, ejen atau pekhidmat pemegang lesen atau penghuni itu di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah melekatkan senarai benda yang disita itu supaya mudah dilihat di premis itu.

Benda atau barang yang mengikut tabiinya lekas rosak.

31. (1) Jika apa-apa benda atau barang yang disita dalam pelaksanaan kuasa yang diberikan di bawah undang-undang kecil ini daripada jenis yang tidak tahan lama atau yang

mengikut tabiinya lekas rosak atau reput, atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai menyebabkan halangan atau membahayakan orang ramai, Datuk Bandar atau pegawai yang diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan.

(2) Datuk Bandar atau pegawai yang diberi kuasa itu tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang terhadap apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan

32. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan dsb.,

33. (1) Seseorang yang –

- (a) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang melaksanakan kewajibannya dengan sah di bawah undang-undang kecil ini;
- (b) gagal mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang sah yang dibuat dengan wajar kepadanya oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah undang-undang kecil ini;
- (c) enggan memberi mana-mana pegawai yang diberi kuasa akses kepada mana-mana premis atau enggan diperiksa oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah undang-undang kecil ini;
- (d) meninggalkan, enggan atau abai untuk memberi kepada seorang pegawai yang diberi kuasa apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) memberikan maklumat yang palsu, tidak benar atau mengelirukan kepada seseorang pegawai yang diberi kuasa; atau
- (f) tidak mengemukakan, menyembunyikan atau cuba menyembunyikan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang berhubungan dengannya daripada seseorang pegawai yang diberi kuasa yang semunasabahnya dipercayai telah digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini atau yang boleh disita di bawah undang-undang kecil ini,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Anggapan

34. Dalam mana-mana pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa –

- (a) mana-mana iklan yang didirikan atau dibina di atas atau di dalam mana-mana premis, telah dipamerkan oleh atau dengan kebenaran tuan punya atau penghuni premis itu;
- (b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran, telah dipamerkan oleh pengilang keluaran itu atau mengenai suatu keluaran import oleh ejen tunggal tempatan atau pengedar tempatan bagi keluaran itu; dan
- (c) mana-mana iklan mengenai suatu pertunjukan, telah dipamerkan oleh penganjur pertunjukan itu atau jika penganjur tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi pertunjukan itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan daripada iklan itu.

Pendakwaan

35. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini kecuali dengan izin Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

36. (1) Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

37. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Penyampaian dokumen

38. Penyampaian atau apa-apa notis, perintah, kompaun atau dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah undang-undang kecil ini boleh disampaikan dengan cara –

- (a) menyerahkan kepada penama yang di atas namanya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan;
- (b) meninggalkan pada alamat terakhir yang diketahui yang ke atasnya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan apabila penyampaian ke diri tidak dapat dilaksanakan;
- (c) menghantar melalui pos berdaftar ke alamat yang terakhir yang diketahui; atau
- (d) dengan cara mengiklankannya di dalam mana-mana akhbar harian.

Kuasa untuk meminda atau memansuhkan jadual

39. Pihak berkuasa melesen boleh menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian dalam mana-mana Jadual di bawah undang-undang kecil ini sekiranya ia berpendapat perlu untuk berbuat demikian.

Pemansuhan dan peralihan

40. (1) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Petaling) 1987 (P.U. Sel. 55/87] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah undang-undang kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah undang-undang kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL
(Undang-undang kecil 6 dan 9)
FI LESEN

Bil	Jenis iklan	Keluasan/kuantiti	Fi tahunan
1.	Iklan tidak bercahaya	(a) tidak melebihi lapan meter persegi; (b) bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan	RM90.00 RM 9.00
2.	Iklan bercahaya	(a) tidak melebihi lapan meter persegi; (b) bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan	RM 60.00 RM6.00
3.	Jika sangga permukaan iklan itu melebihi keluasan kawasan yang digunakan untuk mempamerkan iklan	bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya	RM 5.00
4.	Iklan yang bersaiz tidak melebihi satu meter persegi dan untuk dipamerkan melebihi satu tempat	(a) bagi setiap 100 buah iklan yang pertama atau sebahagiannya; (b) bagi tambahan setiap 100 buah iklan atau sebahagiannya	RM10.00 tiap satu RM8.00 tiap satu
5.	Iklan yang dipamer di atas bangunan dan mengunjur keluar 150mm melebihi bangunan itu, dan jika kedua-dua belah papan iklan digunakan, tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur berasingan	(a) iklan tidak bercahaya – luas dua meter persegi atau sebahagiannya; (b) iklan tidak bercahaya – bagi setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya; (c) iklan bercahaya – luas dua meter persegi atau sebahagiannya; (d) iklan bercahaya – bagi setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya.	RM24.00 RM15.00 RM12.00 RM100.00
6.	Tanda langit – luas kawasan yang digunakan untuk pameran	(a) bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya; (b) jika sokongan melebihi luas kawasan iklan, setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya	RM15.00 RM8.00
7.	Poster yang dipamer pada tempat/ tiangnya	bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya	RM5.00
8.	Sepanduk	(a) bagi saiz yang tidak melebihi lapan meter persegi (b) bagi saiz yang melebihi lapan meter persegi	RM20.00 RM10.00
9.	Iklan dalam bentuk huruf atau logo yang dipamerkan pada dinding, tembok atau bumbung tanpa bingkai, hendaklah diukur mengikut tinggi sebenar huruf atau logo yang digunakan	(a) iklan tidak bercahaya - luasnya tidak melebihi lapan meter persegi; (b) iklan tidak bercahaya – bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya; (c) iklan bercahaya - luasnya tidak melebihi lapan meter persegi; (d) iklan bercahaya – bagi tambahan setiap satu meter persegi	RM90.00 RM9.00 RM60.00 RM6.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 31 Januari 2007.

ADNAN BIN HAJI MD IKHSAN
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Subang Jaya